

NO. SOALAN: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIO LEUNG (ALOR SETAR)

TARIKH : 03.04.2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran spesifik mengenai pelan *Chief Integrity Officers* (Ce/Os) yang akan dilaksanakan di Kedah seperti diumumkan oleh Menteri, Datuk Paul Low dalam media pada 16 Februari 2014.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia melaksanakan Program Pegawai Integriti Bertauliahan (CeIO) sebanyak 3 siri dalam setahun. Peserta perlu mengikuti semua 4 modul iaitu pengenalan integriti, penguatkuasaan undang-undang/ pekeliling/ peraturan dan arahan, pematuhan dan pemantauan serta pembentukan pelan integriti sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliahan sebelum boleh menerima pentaulahan sebagai Pegawai Integriti Bertauliahan.

Program Pegawai Integriti Bertauliahan ini dirangka untuk melahirkan Pegawai Integriti Bertauliahan yang berperanan untuk merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program-program integriti di kementerian, jabatan dan agensi masing-masing. Ia juga untuk menggalakkan penyertaan pihak swasta terlibat sama dalam pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliahan di organisasi masing-masing.

Pejabat Menteri sedang mengadakan perbincangan berterusan dengan kerajaan negeri Kedah untuk melaksanakan sistem Integriti bagi pentadbiran negeri. Sistem ini berdasarkan kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) yang baru yang mana telah diluluskan oleh kabinet bulan ini. Untuk maklumat YB, JITU

adalah penyatuan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) dengan Jawatankuasa Tadbir Urus dan Integriti (G&I), dimana kedua-duanya memain peranan utama untuk menerajui inisiatif integriti di kementerian dan agensi-agensi kerajaan, di peringkat persekutuan dan juga negeri.

Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) memainkan peranan penting didalam fungsi JITU. Sebagai urusetia, mereka bekerjasama rapat dengan Juruaudit Dalam dan mempunyai fungsi pelaporan lintas kepada KSU/SUK, Menteri dan jawatankuasa JITU peringkat kebangsaan.

Pejabat Menteri juga sedang bekerjasama dengan Unit Integriti Kedah untuk merancang pelaksanaan infrastruktur JITU di peringkat negeri. Adalah dijangkakan bahawa pada masa depan semua agensi dalam pentadbiran negeri Kedah akan mempunyai CeIO sendiri.

Sekian, terima kasih